

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin  
[ Ampang ]**

**TARIKH : 25 Mei 2016 (RABU)**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bagaimanakah seseorang kanak-kanak boleh dikenalpasti atau dicalonkan sebagai seseorang yang boleh dilantik ke dalam Majlis kebangsaan bagi Kanak-Kanak.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menubuhkan Majlis Perwakilan Kanak-Kanak (MPKK) peringkat Kebangsaan dan Negeri pada 22 Oktober 2011. Majlis Perwakilan Kanak-Kanak berfungsi sebagai landasan bagi kanak - kanak untuk membincangkan perkara yang berkaitan dengan kehidupan, pembangunan, penyertaan dan perlindungan kanak-kanak secara menyeluruh.

Kanak-kanak yang dipilih untuk menganggotai Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak adalah terdiri daripada kanak-kanak yang menganggotai Majlis Perwakilan Kanak-Kanak di negeri-negeri. Keanggotaan mereka di dalam Majlis ini adalah mengikut giliran bagi setiap kali mesyuarat diadakan.

Pemilihan juga adalah berdasarkan perwatakan dan kebolehan kanak-kanak tersebut dalam menyuarakan pendapat. Buat masa ini, penyertaan kanak-kanak di dalam Majlis Penyelaras Bagi Pelindungan Kanak-Kanak adalah terdiri dari kalangan yang berumur anantara 16 hingga 18 tahun.